

28 OCT 1998

Ling-SME

PESAWAT PERTAMA BUATAN ASIA DIPERAKUKAN UNTUK DIEKSPORT KE AS

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Dua pesawat SME MD3-160, pesawat pertama buatan Asia yang diperakukan untuk dieksport ke Amerika Syarikat, akan dihantar kepada pelanggannya pada akhir bulan depan.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata pesawat itu kini sedia untuk dihantar dengan kapal ke Amerika Syarikat, di mana SME Aero Inc iaitu sebuah syarikat usahasama di Tallahassee, akan menghantarnya pula kepada pelanggan.

"Ini sudah pasti adalah sesuatu perkembangan yang signifikan berikutan penandatanganan Perjanjian Keselamatan Penerbangan Dua Hala (Basa) antara Malaysia dan Amerika Syarikat pada 1996," katanya pada persidangan berita selepas mesyuarat mingguan Kabinet di sini, hari ini.

Beliau berkata pesawat SME MD3-160 ialah pesawat pertama buatan Malaysia dan juga pesawat pertama keluaran Asia yang diperakukan untuk dieksport ke Amerika Syarikat mengikut perjanjian dua hala itu.

Dengan penghantaran dua pesawat itu, SME Aero Inc kini boleh meningkatkan jualan pesawat itu di pasaran Amerika Syarikat, katanya.

Dr Ling berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan dua pesawat SME MD3-160 itu pada bulan depan di hangar SME Aviation di Subang.

Beliau berkata Kementerian Pertahanan telah menempah 20 pesawat untuk digunakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Industri Pesawat Terbang Nusantara (IPTN) dari Indonesia juga telah menandatangani kontrak untuk pembelian 20 pesawat.

Pesawat SME MD3-160, yang dipasarkan dengan nama "Aerotiga" di Amerika Syarikat, ialah pesawat dua kerusi yang sesuai digunakan untuk penerbangan latihan, riadah dan aerobatik.

Kos pesawat itu ialah antara AS\$150,000 (RM570,000) dan AS\$200,000 (RM760,000) setiap satu.

Pesawat itu diperakukan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA), Pejabat Persekutuan Penerbangan Awam Switzerland (Foca), Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (FAA) dan Ketua Pengarah Komunikasi Udara Indonesia (DGAC).

-- BERNAMA

NY NAK